

Mahathir harap tiada perpecahan dalam MCA

KUALA LUMPUR, Sabtu. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sambil mensifatkan pilihanraya MCA yang berlangsung hari ini sebagai 'sangat menarik' berharap tidak berlaku perpecahan dalam parti itu.

"Walau apa pun berlaku, kita mahu MCA sepenuhnya..... bukan separuh".

"Kita berharap siapa juga yang menang, akhirnya akan mendapat kepercayaan dan sokongan semua ahli MCA selepas pilihanraya nanti," tekannya lagi.

Dalam pemilihan pucuk pimpinan MCA hari ini, Presiden Kebangsaan parti itu, Datuk Lee San Choon ditentang oleh timbalannya, Datuk Michael Chen.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberi pandangan tersebut ketika ditanya oleh para pemberita selepas memperkerusikan mesyuarat Majlis Kewangan Negara di Kementerian Kewangan di sini.